

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan Keluaran 02(10.08.2015) : Pindaan 00. Borang tersebut boleh diperolehi di:

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 1, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40676 SHAH ALAM**

@ www.jais.gov.my @ www.selangor.gov.my

- b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan kad pengenalan ibu dan bapa serta salinan sijil kelahiran pemohon, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- c) Sila tulis nama jawatan di sebelah atas kiri sampul surat.
- d) Semua salinan sijil hendaklah **diakui sah**.
- e) **Permohonan yang berikut akan ditolak/ tidak akan diproses jika :**
tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
tidak lengkap atau tidak terang;
tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan;
tidak besertakan gambar dan
tidak ditandatangani.
- f) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 1, MENARA SELATAN,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK
SEKSYEN 5, 40676 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Sebelum atau pada **16 Julai 2018 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengahari**

- g) Hanya calon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
- h) Permohonan adalah dianggap **Tidak Berjaya** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh masa seperti yang berikut:
selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
selepas 6 bulan dari tarikh temuduga
(sekiranya berjaya dipanggil temuduga)
- i) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urusetia di talian **03-5514 3475 / 3536
3405 / 3550**



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan untuk mengisi jawatan perkhidmatan kontrak seperti berikut :

JAWATAN		KEPERLUAN	KEKOSONGAN
A	Akauntan Gred WA41	Lelaki/ Perempuan	1
B	Penolong Akauntan Gred W29	Lelaki/ Perempuan	1
C	Penolong Jurutera Gred JA29	Lelaki/ Perempuan	1

2. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

A	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
B	PELAKSANA
C	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

3. TARAF JAWATAN :

- **CONTRACT OF SERVICE**

4. UMUR :

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

5. WARGANEGARA :

- Warganegara Malaysia; dan
 - Kelahiran Negeri Selangor, atau
 - Ibu atau bapa dilahirkan di Negeri Selangor, atau
 - Telah bermastautin di Negeri Selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu Mukim yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPAN).
- * (Surat pengesahan pemastautin hendaklah dilampirkan bersama Borang permohonan)**

6. TEMPOH PERKHIDMATAN :

- 2 Tahun

7. SYARAT LANTIKAN & JADUAL GAJI

JAWATAN A : AKAUNTAN GRED WA41

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 2,820.00	RM 9,585.00	RM 225.00

SYARAT LANTIKAN :

- a)
- i. Jazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
 - ii. Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
 - iii. Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA)
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan pejabat-pejabat Kerajaan, meliputi melaksanakan analisis laporan kerangan serta fungsi perbendaharaan.
- ii. Bertanggungjawab mereka bentuk, membangun dan melaksanakan sistem perakaunan kerajaan dengan baik. Memberi khidmat nasihat dan meluluskan sistem perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik. Memberi nasihat kepada pembuat keputusan berkaitan perakaunan dan kewangan.

JAWATAN B : PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,498.00	RM 5,678.00	RM 145.00

SYARAT LANTIKAN :

a)

- i. Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau
- ii. Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau
- iii. diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,776.08); atau
- iv. Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2001.68).

b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.
- ii. Bertanggungjawab membantu melaksanakan sistem perakaunan kerajaan mengikut prosedur dan peraturan yang berkaitan.

JAWATAN C : PENOLONG JURUTERA GRED JA29

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN :

- a)
- i. Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh

SYARAT TAMBAHAN :

- a) Keutamaan kepada calon yang mempunyai Sijil / Diploma kejuruteraan dalam bidang Automotif.

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.
- ii. Merancang Pelan Penggantian kenderaan Jabatan serta Program pembelian kenderaan baharu, memantau penggunaan kenderaan jabatan di setiap lokasi, merancang dan melaksanakan Pelan Penyelenggaraan kenderaan Jabatan (*Corrective Maintenance* dan *Preventive Maintenance*), memantau penyelenggaraan kenderaan Jabatan oleh pihak luar, memantau dan mengemaskini rekod penyelenggaraan, memantau bengkel-bengkel yang berdaftar semasa penyelenggaraan dilakukan secara mengejut dan berkala, memastikan pemeriksaan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan mengikut jadual yang ditetapkan, menyelaras dan menguruskan Laporan kerosakan akibat kemalangan, membantu melaksanakan proses pelupusan kenderaan, memberi khidmat nasihat kepada pengurusan Jabatan berkenaan kenderaan Jabatan.